

Teknologi tingkat penanaman padi

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Projek penanaman padi menggunakan teknologi terkini oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) di Lubok Punggor, Gedong mampu meningkatkan pendapatan petani sehingga 60 peratus.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, penanaman padi menggunakan teknologi hasil daripada kajian UPM itu memberikan hasil positif, bukan sahaja dari segi tuaian, tetapi juga pendapatan petani.

"Kalau teknologi yang diguna pakai oleh UPM terus dipakai dalam sistem pengeluaran padi di seluruh Lubok Punggor, ia akan memberikan pendapatan tambahan kepada para petani sebanyak 60 peratus daripada pendapatan mereka sekarang.

"Jika dihasilkan melalui teknologi daripada kajian UPM, maka pendapatan petani sebulan dijangka mencecah RM6,400 (per hektar). Ini bermakna, kalau pendapatan (RM6,400) petani kita sudah berada pendapatan pertengahan, sekali gus keluar dari paras kemiskinan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Projek Agrihub@Gedong di Gedong dekat sini, semalam.

Abang Johari berkata, kajian berkenaan menyaksikan benih padi yang ditanam dan dibangunkan UPM bersama masyarakat setempat telah menghasilkan padi yang boleh dituai sebanyak lima kali dalam masa 24 bulan ke atas tanah lima hektar.

Sehubungan itu katanya, projek penanaman padi yang menggunakan teknologi itu akan diperluaskan ke kawasan lain di negeri ini sekali gus mampu membantu Sarawak mencapai sasaran pengeluaran beras Kadar Sara Diri (SSR) iaitu 240,000 tan metrik beras setahun.



BANGUNKAN PERTANIAN: Abang Johari (kanan) semasa mempengerusikan Mesyuarat Projek Agrihub@Gedong di Gedong, semalam.

— Gambar UKAS